



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BS)8591/Jld.VIII / (9)

Tarikh : 5 September 1995

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 6/1995 :
MENANGANI MASALAH PONTENG DI SEKOLAH**

Laporan salah laku pelajar sekolah menunjukkan bahawa ponteng sekolah dan ponteng kelas merupakan salah laku yang tertinggi peratus penglibatan di kalangan pelajar. Hasrat Kementerian Pendidikan ke arah 'Zero Defect' dalam masalah ponteng sekolah dan ponteng kelas akan terjejas jika kedua-dua masalah ini tidak diatasi dengan segera.

2. Ponteng sekolah dan ponteng kelas merupakan perlakuan yang menyalahi peraturan sekolah dan jika pelajar dibiarkan ponteng sekolah dan ponteng kelas sehingga menjadi amalan dan tabiat, ianya boleh membawa kesan negatif terhadap diri pelajar sendiri, keluarganya dan juga sekolah. Seterusnya, perlakuan tersebut memungkinkan seseorang pelajar hilang sifat bertanggungjawab, akan ketinggalan dalam pelajaran dan yang paling dikhuatiri mereka akan melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan negatif.

3. Ada dua faktor utama yang menyebabkan para pelajar melakukan ponteng iaitu faktor sekolah dan faktor luar sekolah. Faktor luar sekolah pada kebiasaannya di luar kawalan sekolah untuk menanganinya. Sungguhpun begitu, disamping tugas kita memberi tumpuan kepada faktor di dalam sekolah usaha yang lebih berkesan kepada kedua-dua faktor tersebut perlu dilakukan.

4. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan mengingatkan semua Pegawai Pendidikan Bahagian/Daerah, Pengetua, Guru Besar dan guru-guru mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi membanteras salah laku ponteng di sekolah terutamanya ponteng sekolah dan ponteng kelas. Kementerian Pendidikan telah pun menerbit dan mengedarkan ke sekolah-sekolah Buku Panduan Mengatasi Masalah Ponteng Di Sekolah. Saranan dan cadangan yang dikemukakan dalam buku tersebut diyakini boleh membantu pihak sekolah mencegah berlakunya masalah ponteng.

5. Seterusnya, bagi memastikan TIADA Salah laku Ponteng di kalangan pelajar, langkah-langkah berikut hendaklah dilakukan :

- 5.1 Pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah hendaklah mengesan kadar ponteng sekolah dan ponteng kelas setiap bulan dan memastikan sekolah melakukan usaha mengatasi masalah tersebut.
- 5.2 Pihak sekolah hendaklah memastikan tindakan mengatasi masalah ponteng dilakukan secara bersungguh-sungguh dan berterusan. Segala panduan yang terdapat di dalam Buku Panduan Mengatasi Masalah Ponteng dilaksanakan sepenuhnya.

- 5.3 Pihak sekolah hendaklah merealisasikan Sekolah Penyayang, Pelajar-pelajar berhak disayangi, dikasihi, dikasihani dan dibimbing. Dengan ini pelajar akan terpicat, terpenggil dan tergerak untuk ke sekolah.
- 5.4 Memastikan Briged Komuniti dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamatnya sama ada di peringkat Negeri, Bahagian/Daerah dan sekolah.
- 5.5 Memastikan bahawa Jawatankuasa Disiplin Sekolah atau Lembaga Tatatertib sentiasa proaktif dengan menggariskan program dan aktiviti yang berupaya mencegah salah laku ponteng sejak awal-awal lagi terutamanya sebelum sesi persekolahan bermula.

6. Kandungan surat pekeliling ini hendaklah dimaklumkan kepada semua Pegawai Pendidikan Bahagian/Daerah, Pengetua/Guru Besar dan guru-guru di negeri Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATUK DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Seri Haji Mohd Najib b. Tun Haji Abdul Razak
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Datuk Mohd. Khalid b. Yunus
Timbalan Menteri Pendidikan
 3. Y.B. Datuk Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 8. Timbalan Ketua Setiausaha II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 9. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan Malaysia
 10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia